

'Contohi semangat Datuk Onn Jaafar'

BH - 25/2/2006

JOHOR BAHRU: Rakyat negara ini terutama generasi muda perlu mencontohi semangat perjuangan dan kecintaan yang mendalam seperti ditunjukkan pejuang bangsa, Datuk Onn Jaafar, bagi memelihara bangsa dan negara daripada dijajah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata sumbangan Onn kepada bangsa dan negara ini dalam menyatukan orang Melayu menentang Malayan Union amat besar dan perlu dihormati.

Abdullah yang juga Presiden Umno berkata, sumbangan Onn amat besar

kerana beliau memiliki semangat juang tinggi, ketajaman fikiran dan cintanya yang mendalam terhadap bangsa serta negara.

Katanya, menerusi kegigihan dan keberanian Onn, beliau berjaya menyatukan orang Melayu sehingga tertubuhnya parti Umno yang kini menjadi benteng kekuatan Melayu dan teras kepimpinan negara.

"Saya tetap yakin bahawa Onn adalah tokoh pejuang yang perlu penghormatan dan pengiktirafan. Usaha Badan Perhubungan Umno dan Yayasan Warisan Johor mengadakan

program sebegini wajar diberi pujian," katanya.

Abdullah berkata demikian menerusi perutusan dalam buku cenderamata sempena Perhimpunan Memperingati Perjuangan Datuk Onn Jaafar, di padang Stadium Batu Pahat, yang akan diadakan esok.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan adalah tidak memadai bagi setiap rakyat di negara ini hanya memperingati dan mengenang jasa tokoh pejuang negara seperti Onn.

Sebaliknya, beliau menjelaskan bahawa bangsa Malaysia terutama

orang Melayu hendaklah menghayati dan menjadikan peristiwa bersejarah yang berlaku sehingga negara mencapai kemerdekaan sebagai iktibar.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata perjuangan Onn bukan saja menyatukan orang Melayu tetapi membangkitkan semangat nasionalisme dan patriotisme sehingga tertubuhnya Umno.

Kira-kira 20,000 orang dijangka menyertai perhimpunan itu dan Perdana Menteri dijangka mengetuai perarakan dari Dewan Jubli Intan ke Stadium Batu Pahat.